

**NATIJAH AMALI KAEDAH-KAEDAH  
BERFATWA DALAM DISIPLIN  
BERFATWA MAZHAB SYAFI**

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia  
Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

UNISSA Press  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam  
1438H / 2016M

**Penerbit:**

UNISSA Press  
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
BE1310, Gadong  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: +673 2462000 ext. 332  
Laman Web: [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn)

© Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia  
Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

Cetakan Pertama 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

ISBN 978-99917-82-47-8 (Kulit Lembut)

ISBN 978-99917-82-48-5 (Kulit Keras)

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei**  
**Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

ABDUL Aziz bin Juned, Dr Ustaz Haji

Natijah amali kaedah-kaedah berfatwa dalam disiplin berfatwa mazhab syafi'i /  
Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji  
Awang Abdul Aziz bin Juned. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali, 2016.

p. cm.

ISBN 978-99917-82-47-8 (Kulit Lembut)

ISBN 978-99917-82-48-5 (Kulit Keras)

1. Islamic law 2. Fatwas 3. Advisory opinions (Islamic law) 4. Islamic  
Quranic teaching I. Title

340.59095955 (DDC 23)

**Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:**

Syarikat Percetakan Borneo  
Negara Brunei Darussalam

**Dicetak Oleh:**

Syarikat Percetakan Borneo  
Negara Brunei Darussalam

# Prakata

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد.

Segala pujian bagi Allah *Subhānahu wata'āla*, Pencipta, Pentadbir dan Pemerintah sekalian alam. Selawat dan salam atas Junjungan Besar Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'alaihi wasallam*, ahli keluarga Baginda dan para sahabat serta sekalian pengikut Baginda yang berjuang di sepanjang zaman. Alhamdulillah atas segala rahmatNya dan kurniaNya, monograf bertajuk "*Natijah Amali Kaedah-Kaedah Berfatwa Dalam Disiplin Berfatwa Mazhab Syafi'i*", Siri Monograf *Al-Syafi'i*, Bilangan 1 ini dapat diterbitkan.

Pada kesempatan ini, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pihak yang telah berusaha membantu dalam menjayakan penerbitan monograf yang sangat bermanfaat ini terutama daripada pihak Jabatan Mufti Kerajaan dan pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Semoga Allah *Subhānahu wata'āla* jua yang akan membalasnya dengan sebaik-sebaik ganjarannya. Amin Ya Rabbal 'Alamin'.

Sekian. Wassallam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

## **NATIJAH AMALI KAEDAH-KAEDAH BERFATWA DALAM DISIPLIN BERFATWA MAZHAB SYAFI'I**

Oleh:

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato  
Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned,  
Mufti Kerajaan Brunei Darussalam.

---

Dengan merujuk dan menganalisis kaedah-kaedah fikah dalam berfatwa yang terdapat dalam amalan ulama-ulama silam Mazhab Syafi'i didapati banyak kaedah yang mereka gunakan bagi menghasilkan fatwa yang diperakui sah. Tulisan ini tidak akan memperkatakan tentang *maddah* kaedah-kaedah ini dan penggunaannya secara khusus, tetapi cuma akan menyentuh beberapa natijah amalnya yang muncul dalam *maddah* fatwa ulama-ulama Mazhab Syafi'i terdahulu. Antara natijah yang menonjol dalam *maddah* fatwa yang dianggap sebagai disiplin berfatwa mereka ialah dari sudut:

- Fatwa berdasarkan perkara yang sudah dan sedang berlaku
- Fatwa berdasarkan pendapat muktamad sahaja
- Fatwa hanya menyebut satu pendapat sahaja
- Fatwa tidak dalam mazhab lain
- Fatwa tidak menuliskan makna ayat
- Sanjungan dan doa ditulis dengan lengkap
- Dan lain-lain.

## **Fatwa berdasarkan perkara yang sudah dan sedang berlaku**

Apabila kita mengamat-amati fatwa ulama mazhab terdahulu, kita mendapati mereka mengeluarkannya berdasarkan pertanyaan tentang perkara yang telah atau sedang berlaku, bukan berdasarkan yang belum atau mustahil terjadi.

Amali mereka ini membawa natijah bahawa pertanyaan tentang perkara yang belum atau mustahil terjadi tidak perlu untuk dijawab atau belum perlu diberikan fatwanya sehinggalah ia betul-betul terjadi.

Amali mereka ini sesuai dengan amalan dan pesanan ulama salaf seperti dalam nas-nas berikut:

1. 'Umar *Radhiallahu 'anh* berkata: *Adalah menjadi beban kamu jika kamu bertanya kepada kami tentang perkara yang belum terjadi kerana yang ada ini pun sudah menyibukkan kita.*

2. Ibn 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* berkata: *Jangan kamu tanya perkara yang belum terjadi kerana aku mendengar 'Umar Radhiallahu 'anh berkata: "Adalah dilaknat orang bertanya tentang perkara yang belum terjadi.*

3. Zayd bin Tsabit *Radhiallahu 'anh* apabila ditanya akan bertanya balik: *Adakah perkara ini sudah terjadi? Jika dijawab "tidak" atau "belum", dia berkata: "Kamu biarkan saja dahulu sehinggalah ia terjadi".*

4. Masruq bertanya sesuatu kepada Ubay bin Ka'ab *Radhiallahu 'anh*. Lalu Ubay bertanya balik: *Adakah ia sudah terjadi? Masruq menjawab: "Belum". Ubay berkata: Biarkan saja sehingga terjadi dan apabila sudah terjadi kami akan berusaha memberikan pendapat kami.*<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Rujuk: *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam fi Syarh Khamsin Haditsan*, ms.8 -10, *al-I'lam bi Hurmah Ahl al-'Ilm*, ms.171-172, dan *Manhaj as-Salaf fi as-Su'al 'an al-'Ilm wa fi Ta'allum ma Yaqa' wa ma lam Yaqa'*.

Dalam kaitan ini, orang yang meminta fatwa sesuatu perkara hendaklah memastikan perkara itu sudah pun terjadi.

### **Fatwa berdasarkan pendapat muktamad sahaja**

Apabila persoalan dianggap perlu diberikan fatwanya, para ulama mazhab telah ijma' bahawa yang boleh dijadikan fatwa atau hukumnya mestilah pendapat yang muktamad, bahkan adalah berdosa memfatwakan pendapat yang bukan muktamad. Dari itu fatwa yang diperakui sebagai fatwa dalam Mazhab Syafi'i hanyalah pendapat yang muktamad, dan ulama mazhab berpendapat adalah berdosa mengeluarkan fatwa yang tidak muktamad untuk dijadikan hukum.

Pengarang *Kitab al-Qawanin* berkata:

*Menghukumkan atau memfatwakan dengan qaul yang bukan muktamad di dalam mazhab, ini pun dianggap dosa besar, sebab pada hakikatnya, itu bukan menghukumkan dengan Qur'an yang diturunkan Allah Ta'ala.<sup>2</sup>*

---

<sup>2</sup> *Kitab al-Qawanin*, ms.42.

Ibn Hajar *Rahimahullah* berkata:

ونقل القرافي وابن الصلاح الإجماع على أنه لا يجوز الحكم بخلاف الراجح في المذهب وبعدم الجواز صرح السبكي في مواضع من فتاويه في الوقف.<sup>3</sup>

Ertinya: *Al-Qirafi dan Ibn ash-Shalah* menukulkan bahawa adalah *ijma'*: tidak boleh menghukum dengan hukum yang tidak rajih dalam mazhab. Ketidakbolehan ini telah dijelaskan oleh *as-Subki* dalam beberapa tempat dalam fatwanya pada bahagian wakaf.

Dalam Mazhab Syafi'i, di antara jalan untuk mendapatkan yang muktamad ini ialah dengan merujuk pendapat yang disepakati oleh *asy-Syaykhan* (*an-Nawawi* dan *ar-Rafi'i*), kemudian yang diputuskan oleh *an-Nawawi*, kemudian *ar-Rafi'i*, kemudian yang dirajihkan ramai ulama mazhab, kemudian oleh yang lebih wara'.<sup>4</sup>

Dalam kitab *I'anat ath-Thalibin* dicatatkan:

*Jika Ibn Hajar dan ar-Ramli tidak memperkatakannya, maka bolehlah berfatwa dengan perkataan Syaykh al-Islam (Zakariyya al-Anshari),*

<sup>3</sup> *Hawasyi as-Syarwani wa al-'Abbadi 'ala Tuhfat al-Muhtaj*, 10:145.

<sup>4</sup> Untuk memudahkan mendapatkan pendapat-pendapat muktamad dalam Mazhab *as-Syafi'i* ialah dengan merujuk kitab *al-Mu'tamad fi al-Fiqh asy-Syafi'i* susunan Prof.Dr. Muhammad az-Zuhaili seperti terbitan Dar al-Qalam Dimasyq dalam 5 juzuk.



*perkataan al-Khatib, az-Zayadi, Ibn Qasim, 'Umairah, as-Syibramalisi, al-Halabi, asy-Syawbari, dan al-'Inani, iaitu selama tidak bertentangan dengan usul mazhab.*<sup>5</sup>

Az-Zuhaili *Rahimahullah* berkata:

*Fatwa yang dibuat ialah yang muktamad dalam mazhab, tidak boleh beralih kepada yang lain selama yang muktamad ada. Pada lazimnya muktamad itu adalah mengikut apa yang dikatakan oleh Imam an-Nawawi di dalam kitab al-Minhāj, apa yang disebutkan di dalam kitab Nihayat al-Muhtaj karangan ar-Ramli, dan yang terdapat di dalam kitab Tuhfat al-Muhtaj karangan Ibn Hajar. Selepas itu ialah apa yang dikatakan oleh Syaykh Zakariyya al-Anshari.*<sup>6</sup>

Oleh sebab pentingnya pendapat yang muktamad, sekiranya hakim menjatuhkan hukuman berdasarkan pendapat yang tidak sahih dalam mazhab, Jalal al-Bulqini menukulkan fatwa bapanya bahawa hukuman itu boleh dibatalkan.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> *I'Anat ath-Thalibin*, 4:234.

<sup>6</sup> *Al-Fiqh al-Islami*, 1:45.

<sup>7</sup> *I'Anat at-Talibin*, 4:233.

## Da'if

Di atas telah ditegaskan bahawa fatwa mesti berdasarkan pendapat yang muktamad. Adapun pendapat yang da'if tidak harus dijadikan dasar fatwa walaupun pendapat itu mengikut penilaian mufti adalah *rajih*, kerana yang ditanya atau yang diminta fatwanya hanya yang *rajih* mengikut penilaian mazhab, bukan mengikut penilaian mufti.

Syaykh al-Kurdi *Rahimahullah* berkata:

*Adapun qaul da'if dalam mazhab tidak harus bagi mufti berfatwa dengannya, walaupun dia seorang ahli tarjih dan zahir baginya apa yang ditarjihkannya.*

Katanya lagi:

*Qaul da'if merangkumi apa yang menyalahi al-Ashah, menyalahi muktamad, menyalahi al-Awjah dan menyalahi al-Muttajah.*<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> Kedua-dua teks dinukil daripada *Kitab al-Qawanin*, ms.43. Contoh *al-Muttajah* lihat *Mughni al-Muhtaj*, 3:133 perkataan syarih tentang mendahulukan wanita kafir yang pakar merawat wanita jika wanita Muslimah pakar tidak diperolehi: المتجه تأخير المرأة الكافرة على المحرم بقسميه

Di antara pendapat yang da'if dan tidak boleh dijadikan fatwa ialah sebahagian dari pendapat Imam asy-Syafi'i (qaul qadim) di negeri Iraq. Pendapat ini sama ada dalam bentuk tulisan dalam kitabnya *al-Imla'* dan *al-Hujjah* ataupun dalam bentuk fatwanya. Perwayatnya antara lain ialah Ahmad bin Hanbal, az-Za'farani, al-Karabisi dan Abu Tsawr. Qaul ini telah ditarik balik oleh Imam asy-Syafi'i dan tidak dibenarkannya dijadikan fatwa.

Tokoh mazhab' (*ashhab*) pula berkata bahawa qaul qadim adalah da'if melainkan kira-kira dua puluh masalah dan mereka membuat fatwa dengannya.

An-Nawawi *Rahimahullah* menyebutkan masalah itu lebih kurang dua puluh masalah, dan Ibn Hajar menyebutkan lebih kurang tiga puluh masalah. Di dalam kitab *al-Majmu'*, Imam an-Nawawi mencatatkannya sembilan belas masalah, iaitu: 1. Masalah sunat *at-Tatswib*<sup>9</sup> dalam azan Subuh. 2. *at-Taba'ud* dari najis dalam air yang banyak. 3. Tidak membaca surah dalam dua rakaat akhir. 4. Boleh istinja dengan batu walau di luar kawasan lubang dubur atau kubul. 5. Menyentuh muhrim tidak membatalkan wudhu'. 6. Air mengalir tidak bernajis

---

<sup>9</sup> *At-Tatswib* ialah melaungkan الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِّنَ النُّومِ dua kali selepas melaungkan حَيُّ عَلَى الْفَلَاحِ dalam azan Subuh.

selama warna, bau dan rasanya tidak berubah. 7. Afdal menyegerakan sembahyang 'Isyak'. 8. Jangka waktu maghrib sehingga hilang senja. 9. Boleh berimam kepada orang yang sedang sembahyang bersendirian. 10. Haram memakan kulit yang disamak (*al-madbugh*). 11. Wajib hukum hudud kerana menyetubuhi hamba yang dimiliki dengan sumpah yang menjadi muhrim kerana sesusuan, berbisan dan sebagainya. 12. Makruh memotong kuku mayat. 13. Boleh mensyaratkan *tahallul* dari ihram dengan uzur sakit. 14. Nisab tidak diambil kira dalam zakat *ar-Rikaz*. 15. Menyaringkan bacaan "Amin" bagi makmum dalam sembahyang nyaring. 16. Wali boleh berpuasa bagi pihak mayat. 17. *Istihbab* meletakkan tanda di hadapan ketika sembahyang jika tidak ada dinding pada arah kiblat. 18. Memaksa rakan kongsi dalam hal ehwal bangunan. 19. Menjadikan mahar (maskahwin) dalam tangan suami sebagai jaminan tangan seperti orang yang meminjam.<sup>10</sup>

Sekiranya terpaksa menyebut qaul da'if atau pendapat ulama lain kerana pendapat mengenainya tidak terdapat dalam kitab-kitab utama Mazhab Syafi'i yang muktamad, maka perkara ini perlu disebutkan dalam teks fatwa supaya tidak mengelirukan dan untuk mengelak dari sebarang tanda tanya. Yang penting diketahui dan diterangkan ia bukan fatwa muktamad dalam fatwa

<sup>10</sup> *Al-Fawa'id al-Madaniyah*, tepi kitab *Qurrat al-'Ain*, ms.242-248.

Mazhab Syafi'i. Inilah sistem berfatwa yang diguna pakai oleh ulama mutakhirin.<sup>11</sup>

Dengan itu, mana-mana fatwa yang disabitkan sebagai fatwa Mazhab Syafi'i adalah muktamad belaka dan tidak patut dipertikai lagi oleh sesiapa.

### **Fatwa hanya menyebut satu pendapat sahaja**

Disiplin berfatwa yang diperakui mazhab ialah dengan menyebutkan satu pendapat sahaja. Ini kerana sekiranya disebutkan dua atau lebih pendapat mengenai persoalan tertentu, ia akan membawa kerumitan amali hukum.

Syaykh Imam al-Kawtsari *Rahimahullah* berkata:

*Mufti tidak boleh menyebut dalam fatwanya: "... Padanya terdapat dua pendapat daripada asy-Syafi'i... padanya terdapat qaul qadim dan qaul jadid, atau padanya terdapat enam riwayat daripada Malik...."*

Beliau seterusnya menerangkan bahawa ketidakbolehan itu disebabkan para ulama besar masing-masing mazhab telah memilih pendapat mana yang sahih dan dari itu mereka menetapkan hanya satu qaul

---

<sup>11</sup> *I'anat ath-Thalibin*, 4:234.

atau riwayat sahaja yang boleh difatwakan.<sup>12</sup> Oleh sebab itu teks fatwa hendaklah hanya menyebutkan satu qaul sahaja, iaitu qaul yang muktamad.

## Fatwa tidak dalam mazhab lain

Mengikut disiplin mazhab, adalah tidak dibolehkan dan dianggap tidak sah berfatwa dengan pendapat ulama-ulama dari kalangan mazhab-mazhab lain.

Ibn Hajar *Rahimahullah* mencatatkan:

المفتي على مذهب الشافعي لا يجوز له الإفتاء بمذهب غيره ولا ينفذ منه أي لو قضى به لتحكيم  
أو تولية لما تقرر عليه ابن الصلاح.<sup>13</sup>

Ertinya: *Mufti Mazhab Syafi'i tidak boleh berfatwa dengan mazhab lain dan jika dia berfatwa juga dengannya, maka fatwanya tidak berlaku sekiranya dijadikan hukum pengadilan atau pelantikan. Inilah yang ditetapkan oleh Ibn ash-Shalah.*

Mengikut pembacaan penulis tentang disiplin berfatwa para ulama terawal dari kalangan Mazhab Syafi'i, mereka adalah berpegang teguh dengan disiplin ini. Maka

<sup>12</sup> *Maqalat al-Kawtsari*, ms.142.

<sup>13</sup> *Hawasyi asy-Syarwani wa al-'Abbadi 'ala Tuhfat al-Muhtaj*, 10:109.

bagi ahli ilmu mazhab ini yang datang selepas mereka yang betul-betul faham tentang keilmuan ulama-ulama itu adalah lebih selamat mengikuti disiplin ini dan tidak menyebutkan pendapat mazhab lain dalam fatwa Mazhab Syafi'i untuk dijadikan pegangan orang yang meminta fatwa. Ini kerana jika disebutkan juga, seakan-akan orang yang meminta fatwa disuruh mengamalkannya, dan ini pula akan berkait dengan persoalan *taqlid*<sup>14</sup> kepada mazhab lain serta persoalan *talfiq*<sup>15</sup>. Lain halnya jika bukan fatwa, seperti dalam bentuk syarahan, pengajian dan lain-lain aktiviti ilmu. Menyebutkan pendapat mazhab-mazhab lain dalam konteks seperti ini adalah baik bagi menunjukkan keluasan ilmu dalam Islam, tetapi perlu diperhatikan siapa pendengar dan sasarannya.

Walaupun pada dasarnya «*Mufti Mazhab Syafi'i tidak boleh berfatwa dengan mazhab lain*», tidak semua persoalan semestinya berdasarkan fatwa Mazhab Syafi'i. Di sana ada beberapa perkara yang dikecualikan jika

---

<sup>14</sup> Taqlid ialah mengikut pendapat pakar kerana diyakini benar tanpa menelaah dalil pendapat itu (*Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*, ms.140). Ibn Hajar *Rahimahullah* berkata adalah boleh bertaqlid (untuk amalan, bukan fatwa) dalam perkara muktamad kepada Imam-Imam mazhab yang empat dalam satu-satu masalah, tetapi hendaklah diketahui syarat-syarat dan perkara-perkara yang berkait dengan masalah itu (*Hawasyi asy-Syarwani wa al-'Abbadi 'ala Tuhsat al-Muhtaj*, 10:109).

<sup>15</sup> Talfiq ialah menghimpun pendapat pelbagai mazhab untuk diamalkan sehinggakan yang diamalkan itu dianggap tidak betul dalam mana-mana mazhab (*Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*, ms.144).

terjadi kepayahan. Misalnya dalam persoalan zakat ada tiga perkara yang boleh berfatwa dengan mazhab lain, yakni Mazhab Hanafi.

Dalam *Hasyiah al-Jamal* syarah kepada kitab *Manhajath-Thullab* dan kitab mazhab yang lain dicatatkan bahawa Ahmad bin 'Ajil al-Yamani *Rahimahullah* berkata ada tiga masalah harus difatwakan dengan bersalahan bagi Mazhab Imam Syafi'i, yang bertaqlid kepada pendapat mazhab lain, iaitu:

**Pertama**, persoalan memindahkan zakat. **Kedua**, persoalan memberikan zakat kepada satu ashnaf sahaja. **Ketiga**, persoalan memberikan zakat seseorang kepada satu orang sahaja.<sup>16</sup>

Tetapi dalam perkara ini sesetengah ulama mazhab ada yang memberi pandangan bahawa sekiranya Imam asy-Syafi'i masih hidup, beliau akan berfatwa dengannya.<sup>17</sup> Jika pandangan ini diambil kira maka tidaklah timbul soal bertaqlid.

---

<sup>16</sup> *Hasyiah al-Jamal*, 16:152.

<sup>17</sup> *Nihayah az-Zain*, 1:182.



## **Fatwa tidak menuliskan makna ayat**

Al-Qur'an adalah dalil hukum. Menuliskan ayat al-Qur'an bersama maknanya adalah amali ulama silam. Hal ini dapat dibuktikan bahawa semua kitab-kitab fatwa dan bukan fatwa ulama silam yang mengandungi makna al-Qur'an tetap menuliskan nas ayat. Amali mereka ini berdasarkan kesepakatan ulama bahawa al-Qur'an terdiri daripada lafaz dan makna. Salah satu dari keduanya tidak dinamakan al-Qur'an dan tidak boleh menjadi dalil hukum. Bagi memenuhi kesepakatan ini, maka mereka sepakat pula bahawa ketika menyampaikan maknanya wajiblah menyertakan bersama lafaznya.<sup>18</sup>

*Az-Zarqani Rahimahullah* berkata:

*As-Suyuthi, Ibn Battal dan al-Hafiz Ibn Hajar dan lain-lain* berkata: “*Sesungguhnya wahyu itu wajib disampaikan, akan tetapi ia ada dua bahagian; bahagian pertama menyampaikan nazm (susunan lafaz) berserta maknanya bersama-sama secara wajib*

---

<sup>18</sup> Pembahasan hukum haram menyampaikan makna al-Qur'an tanpa menyertakan nas ayat secara khusus dalam bahasa Melayu dapat dirujuk dalam tesis “Penterjemahan al-Qur'an: Sejarah Dan Permasalahannya” (Perpustakaan UBD) dan “Penterjemahan Makna al-Qur'an: Kajian Ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur'an” (Perpustakaan UKM dan PDI). Kedua-dua tesis ini hasil penulisan Dr. Hj. Muhammad Nur Lubis Abdul Razak Nur.

dan itulah al-Qur'an, dan bahagian kedua sah dan boleh menyampaikan maknanya sahaja tanpa lafaznya dan itulah selain al-Qur'an. Dengan yang demikian sempurnalah tabligh (penyampaian) itu".<sup>19</sup>

Beliau berkata lagi:

*Sekiranya dibenarkan menyampaikan al-Qur'an dengan maknanya sahaja, sama ada dengan membaca atau menuliskannya, nescaya akan hilanglah i'jaznya dan pasti akan mengalami perubahan dan percanggahan pendapat orang dalam menetapkan asas-asas hukum syarak dan terhadap apa yang dinamakan al-Qur'an itu. Manakala i'jaz Hadis-hadis Qudsi dan Nabawi tidaklah bergantung kepada lafaz-lafaznya. Oleh kerana itulah Allah Ta'ala membolehkan Hadis Qudsi dan Hadis Nabawi diriwayatkan dengan makna.*<sup>20</sup>

Pengarang Kitab *Kayf Nata'addab Ma'a al-Mushhaf* berkata:

*Dengan sabitnya keadaan al-Qur'an itu diwahyukan dengan lafaz dan maknanya secara jelas daripada sisi Allah Ta'ala, maka adalah diharamkan meriwayatkan atau menyampaikannya dengan maknanya sahaja,<sup>21</sup> tanpa menyertakan lafaznya.*

<sup>19</sup> *Manahil al-'Irfan*, 2:139.

<sup>20</sup> *Ibid.* 1:52.

<sup>21</sup> *Kayf Nata'addab ma'a al-Mushhaf*, ms.48.

## **Sanjungan dan doa ditulis dengan lengkap**

Amali ulama mazhab ketika menuliskan sanjungan kepada Allah dan doa kepada orang lain ialah dengan menuliskannya dengan lengkap, tidaklah dengan huruf potongan. Amali ini merangkumi penulisan fatwa dan lain-lain.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menerangkan bahawa adalah *mustahab* bagi penulis hadis apabila dia kebetulan menyebut atau menulis lafaz al-Jalalah “Allah” ‘Azz wa Jall agar selepasnya menuliskan kata sifat-Nya ‘Azz wa Jall, atau *Ta’ala*, atau *Subhanah wa Ta’ala*, atau *Tabarak wa Ta’ala*, atau *Jall Zikruh*, atau *Tabarak Ismuh*, atau *Jallat ‘Azhamatuh*, atau yang seumpamanya. Begitu juga ketika dia menyebut atau menulis Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* supaya menyebut atau menulis *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* dengan menuliskan penuh kedua-dua perkataan (Salawat dan Salam), dan tidak secara ringkasan kedua duanya atau salah satunya. Begitu jugalah halnya tentang para sahabat hendaklah disebut atau ditulis *Radhiallahu ‘anh* dengan lengkap. Jika orang berkenaan seorang sahabat dan anak sahabat pula, maka disebut atau ditulis *Radhiallahu ‘anhuma*.

Seterusnya adalah *mustahab* mendoakan para ulama dan orang-orang pilihan seperti dengan *Radhiallah 'anh = Semoga diredai Allah* atau *Rahimahullah = Semoga dirahmati Allah*.

Kesemua ini hendaklah ditulis dengan lengkap walaupun sekiranya ia tidak tertulis pada naskhah asal yang dijadikan sebagai rujukan. Kemudian kesemua ini tidaklah termasuk di dalam riwayat, akan tetapi ia hanya berupa satu doa.<sup>22</sup>

Di dalam kitab *al-Majmu'* Imam an-Nawawi *Rahimahullah* juga berkata:

*Adalah mustahab at-Taradhdhi (memohon diredai) dan at-Tarahhum (memohon dirahmati) untuk para sahabat, tabi'in dan orang-orang yang selepas mereka dari kalangan para ulama dan hamba hamba Allah Ta'ala dan orang-orang pilihan, seperti dengan mengucapkan Radhiallahu 'anh" atau Rahmat Allah Ta'ala 'alaih atau Rahimahullah dan yang seumpamanya".<sup>23</sup>*

---

<sup>22</sup> Mukadimah *Syarh Sahih Muslim*, 1:67-68.

<sup>23</sup> *Ibid.* 6:172.

Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* pula berkata:

*Setiap penulis hendaklah mengagungkan nama Allah Ta'ala apabila menuliskannya, iaitu dengan menuliskan selepas nama-Nya kata sifat Ta'ala, atau yang menunjukkan kesucian-Nya, atau 'Azza wa Jalla, atau yang seumpamanya. Begitu juga nama-nama Rasul-Nya, iaitu dengan menuliskan selepas nama Baginda kalimat doa: perkataan Shallallahu 'alaihi wa sallam, kerana sesungguhnya telah berlaku adat kebiasaan ulama-ulama salaf dan khalaf melakukan yang sedemikian. Di samping itu hendaklah jangan menuliskannya secara ringkas seperti صلعم, kerana perbuatan ini adalah perbuatan orang-orang yang jauh daripada rahmat. Kemudian hendaklah menuliskan doa semoga para ulama besar diredai Allah, termasuk para ulama mujtahid, dan menuliskan doa mohon dirahmati para ulama lain yang di bawah taraf mereka.<sup>24</sup>*

Manakala Pehin Dato Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz *Rahimahullah* berkata:

*Ada orang tulis nama Rasulullah dengan pakai (M/م) atau salawat pakai (ص / صلعم), semuanya itu kelakuan tiada sopan terhadap Rasulullah Shallallahu*

---

<sup>24</sup> *Al-Fatawa al-Haditsiyah*, :230.

*'alaihi wa sallam, masakan dia boleh dapat rahmat dan kaseh dan ihsan Allah Ta'ala kepadanya dengan keadaan dia tiada menghormati Rasulullah dan Pesuruh Allah Sayyidina Muhammad – Shallallahu alaihi wa sallam.*<sup>25</sup>

Itulah antara lain huraian amali kaedah-kedah berfatwa yang dapat kita baca daripada disiplin berfatwa ulama-ulama mazhab di dalam *maddah* fatwa-fatwa mereka.

==

## **Amali Berfatwa Di Negara Brunei Darussalam**

Di Negara Brunei Darussalam teks fatwa hendaklah berdasarkan qaul muktamad Mazhab Syafi'i kerana perkara ini telah ditetapkan dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Penggal 77 Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi.

Teks akta berkenaan antara lain berbunyi:

*“43. (1) Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah*

---

<sup>25</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, 61/1987.

*biasanya menurut kaul yang muktamad daripada mazhab Shafie: .....<sup>26</sup>*

Selari dengan kehendak akta ini maka fatwa yang dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan kehendak Mazhab Syafi'i dan amalinya pula adalah mengikut sistem amali ulama-ulamanya dalam menetapkan hukum yang dijadikan fatwa.

Berikut disentuh sedikit mengenai proses amali berfatwa yang berlakū selama ini.

### **Meneliti Pertanyaan**

Berdasarkan huraian amali kaedah-kaedah yang disebutkan di atas, maka pertanyaan yang diterima akan dibaca terlebih dahulu dengan meneliti kandungannya dan memahami mesej sebenar yang ditanya. Perkara ini perlu dilakukan bagi memastikan dua perkara; pertama adakah pertanyaan itu perlu dijawab dan kedua agar jawapan memenuhi kehendak mesej yang ditanyakan sahaja dan tidak menyimpang kepada persoalan lain yang jauh kaitannya dengan jawapan yang diperlukan.

---

<sup>26</sup> "Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Penggal 77 Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi", ms.28.

Tujuan merujuk dan membanding ini ialah supaya fatwa yang akan dikeluarkan tidak bertentangan dan melanggar perkara yang telah diijmakkan, kerana menentang dan melanggar yang telah diijmakkan secara ijma' yaqini adalah amat berbahaya bahkan boleh membawa kufur sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Hazm *Rahimahullah* di dalam kitabnya *Maratib al-Ijma'* ms.7.

Inilah sedikit maklumat amali berfatwa di Negara Brunei Darussalam yang didasarkan kepada natijah amali penggunaan kaedah-kaedah berfatwa dalam Mazhab Syafi'i.

والله أعلم بالصواب



## Rujukan

- Al-Asybah wa an-Nazha'ir*, Taj al-Din Abi al-Nashr 'Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi as-Subki, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1411H/1991M.
- Al-Fatawa al-Haditsiyah*, Ahmad Syihabuddin Ibn Hajar al-Hatami, Beirut, Lubnan: Dar al-Ma 'rifah, Tawzi' Dar al-Baz, Makkah.
- Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, 61/1987.
- Al-Fawa'id al-Madaniyah*, Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi, (Hamisy kitab Qurrat al-'Ain bi Fatawa Ulama' al-Haramain), Diyar Bakr, Turki: al-Maktabah al-Islamiah.
- Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Wahbah al-Zuhaili, Dar al-Fikr.
- Hasyiah al-Jamal 'ala Syarh Manhaj ath-Thullab*, Sulaiman bin Umar al-Jamal, al-Maktabah asy-Syamilah.
- Hawasyi asy-Syarwani wa al-'Abbadi 'ala Tuhfat al-Muhtaj*, asy-Syarwani wa al-'Abbadi, Dar al-Fikr.
- I'Anat ath-Thalibin*, as-Sayid al-Bakry, Dar al-Fikr.
- Al-I'lam bi Hurmah Ahl al-'Ilm wa al-Islam*, Muhammad Ahmad Isma'il al-Muqaddam, Iskandariah: Dar al-'Aqidah li at-Turats, 1419H/1998M.

*Jami' al-'Ulum wa al-Hikam fi Syarh Khamsin Haditsan*, Ibn Rajab, 'Abdul Rahman bin Syihab ad-Din, al-Qahirah: Maktabat ad-Da'wah, 1407H/1987M.

*Kitab al-Qawinin asy-Syar'iyah*, 'Utsman bin 'Abd Allah bin 'Uqail bin Yahyh al-'Alawi, Maktabah 'Arafat, Bogor.

*Kayf Nata'addab ma'a al-Mushhaf*, Muhammad Rajab Farjani, al-Qahirah: Dar al-I'tisham.

*Manhaj as-Salaf fi as-Su'al 'an al-'Ilm wa fi Ta'allum ma Yaqa' wa ma'lam Yaqa'*. 'Abdul Fattah Abu Ghuddah.

*Majmu'ah Saba'ah Kutub Mufidah*, as-Sayyid 'Alawi bin Ahmad as-Saqqaf, Mushthafa al-Baby al-Halaby.

*Manahil al-'Irfan fi 'Ulum Al-Qur'an*, az-Zurqani, Muhammad 'Abd al-'Azhim. Beirut: Dar al-Kutub al 'Alamiyyah, 1409H/1988M.

*Maqalat al-Kawtsariyyah*, Muhammad al-Kawtsari, al-Qahirah: Mathba'at al-Anwar.

*Maratib al-Ijma'*, Ibn Hazm, Beirut: Dar Ibn Hazm, 1419H/1998M.

*Al-Mishbah fi Rasm al-Mufti wa Manahij al-Ifta'*, Muhammad Kamal ad-Din Ahmad ar-Rasyidi, Mariyah Akademi Karatsyi, Pakistan.

*Al-Mawsu'ah fi Adab al-Fatwa*, Dr. Ahmad Badaruddin Hassun, 1420H/1999M.

*Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*, Prof. Dr., Muhammad Rawwas Qal'ah Ji, & Dr. Hamid Sadiq Qannibi, Beirut, Lubnan: Dar an-Nafa'is, 1408H/1988M.

Mukadimah *Syarh Sahih Muslim*, an-Nawawi.

Nihayah az-Zain fi Irsyad al-*Mubtadi'in*, Muhammad bin Umar bin Ali bin Nawawi al-Jawi, Beirut: Dar al-Fikr.

*Al-Mu'tamad fi al-Fiqh asy-Syafi'i*, Prof. Dr. Muhammad az-Zuhaili, Dimasyq: Dar al-Qalam.

*Tazdkirat as-Sami' wa al-Mutakallim fi Adab al-'Alim wa al-Muta'allim*, Ibn Jama'ah al-Kinani, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.

Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Penggal 77 Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi.

*Yas'alunak fi al-Din wa al-Hayah*, Ahmad ash-Shirbashi, ath-Thaba'ah ar-Rabi'ah, Beirut: Dar al-Jayl, 1980M.